

# Makin ramai mati!

>>Oleh A'isyah Sukaimi  
am@hmetro.com.my

**P**UTRAJAYA: Gejala demam denggi di seluruh negara semakin menuntut kerjasama orang ramai bagi memeringkannya apabila kadar kes demam denggi semakin meningkat selari dengan peningkatan kes yang membabitkan kematian pada tahun lalu.

Kebimbangan itu dibuktikan dengan peningkatan kes demam denggi dari 46,171 kes membabitkan 134 kematian pada tahun lalu berbanding 41,486 kes dengan 88 kematian pada 2009



Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin (*gambar*), berkata peningkatan jumlah kes dan tambahan 46 ke-

matian pada tahun lalu memang membimbangkan.

Beliau berkata, berdasarkan perangkaan, 10 negeri turut mencatatkan peningkatan kes kematian pada tahun lalu dan ia membabitkan Kelantan sebanyak 10 kematian; Johor (9), Melaka dan Sarawak (7) dan Pulau Pinang (6).

“Bukan itu saja, Kedah, Perak, Pahang dan Terengganu meningkat tiga kematian diikuti Negeri Sembilan satu kematian,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Pertandingan Anti-Aedes Renjer Ridsect peringkat sekolah Wilayah Persekutuan, Selangor dan Jo-

hor di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Putra Jaya Presint 14 (1), di sini, semalam.

Pertandingan itu membabitkan peserta dari 100 sekolah menengah yang ditugaskan melakukan pemeriksaan terhadap 100,000 rumah di tempat mereka di samping menasihati orang ramai mengenai bahaya nyamuk aedes.

“Bagi kematian kes denggi pula, sebanyak 15 daripada 134 kematian membabitkan pelajar iaitu tujuh kematian membabitkan pelajar sekolah menengah dan lapan kematian bagi pelajar sekolah rendah,” katanya.